

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI]

TARIKH : 9 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sama ada terdapat sebarang bentuk kerjasama strategik antara PROTON dan PERODUA, dan sama ada kajian kebolehlaksanaan mengenainya telah dijalankan, serta langkah-langkah yang diambil untuk mengelakkan persaingan negatif antara kedua syarikat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Setakat ini, pihak PROTON mahupun PERODUA masih tidak memaklumkan sebarang bentuk kerjasama strategik di antara keduanya.
2. Ekosistem perniagaan PROTON dan PERODUA saling berkait rapat terutamanya daripada segi perkongsian 76 pembekal/vendor tempatan yang sama yang melibatkan lebih daripada 50,000 pekerja.
3. MITI menerusi Institut Automotif, Robotik dan IoT Malaysia (MARii) telah mengadakan beberapa bidang kerjasama dengan kedua-dua syarikat

ini di bawah Dasar Automotif Nasional (NAP) 2020 bagi meningkatkan keupayaan ekosistem automotif tempatan.

4. Antara kerjasama tersebut ialah:

- a. Program pembangunan vendor termasuk program **Quality, Cost and Delivery (QCD)**, dan **Market Exploration**. QCD ialah program yang bertujuan untuk membantu syarikat meningkatkan kualiti produk, mengurangkan kos pada tahap yang lebih kompetitif dan menguruskan penghantaran *Just-in-time* (JIT). Program *Market Exploration* pula adalah untuk memberi peluang kepada vendor tempatan untuk menerokai teknologi dan produk inovatif yang dihasilkan oleh syarikat antarabangsa, membina hubungan dengan syarikat-syarikat antarabangsa dan seterusnya membolehkan vendor tempatan terlibat di dalam rangkaian bekalan global;
- b. Kerjasama dari segi penggunaan aplikasi teknologi Industri 4.0 di **MARii Simulation & Analysis Center (MARSAC)** dan **National Digitalisation Center (NDC)**:
 - i. Kemudahan di MARSAC bertujuan untuk membantu meningkatkan kemahiran tenaga kerja dalam aspek rekabentuk teknologi termaju dan impak tinggi, mengoptimumkan kos serta meningkatkan pembangunan modal insan di kalangan pengeluar komponen automotif dan mobiliti tempatan. Di MARSAC, jurutera-jurutera dari kedua-dua syarikat boleh menjalankan simulasi digital berteknologi tinggi semasa fasa validasi dalam proses pembuatan komponen automotif dan mobiliti.
 - ii. *National Digitalisation Center* (NDC) menyediakan kemudahan visualisasi reka bentuk (AR/VR). Teknologi AR/VR ini membantu syarikat untuk melakukan pemeriksaan reka bentuk dengan mengambil kira aspek perubahan semasa (*real-time*) pada peringkat awal

berbanding dengan menggunakan kaedah konvensional *clay modelling* sebagai prototaip;

- c. Kerjasama dalam bidang pengujian di ***National Emission Test Center (NETC)*** yang merupakan fasiliti pengujian yang menjalankan ujian pelepasan gas dari kenderaan berdasarkan *United Nations Regulation (UNR) No. 83 dan No. 101*.
 - d. Aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi membangunkan *Malaysia Driving Cycle* untuk mengkaji kitaran pemanduan (*Driving Cycle*) kenderaan berdasarkan infrastruktur jalan yang terdapat di Malaysia. Tujuan utama aktiviti R&D ini dijalankan adalah untuk memastikan tahap pelepasan karbon dari ekzos kenderaan dan penggunaan bahan bakar adalah merujuk kepada nilai sebenar yang dilepaskan oleh kenderaan di Malaysia.
5. Penglibatan oleh PROTON dan PERODUA di dalam inisiatif Kerajaan bagi pembangunan keupayaan ekosistem automotif ini membolehkan pemindahan kemahiran dan teknologi dapat dijalankan secara strategik di antara kedua-dua syarikat di samping menjamin persaingan yang sihat.
6. Secara kesimpulannya, Kerajaan sentiasa membantu kedua-dua syarikat melalui kemudahan-kemudahan dan tawaran program yang bersesuaian bagi mengukuhkan ekosistem untuk mendukung kedua-dua syarikat meningkatkan keupayaan. Walau bagaimanapun, keputusan sebenar untuk membentuk sesuatu kerjasama strategik adalah keputusan perniagaan oleh kedua-dua syarikat.

Sekian, terima kasih.